

## **Bab 6**

### **KESIMPULAN**

Akhirnya, sebuah kajian empirikal mengenai pegangan nilai dan tingkah laku orang Cina bagi aspek Konfusianisme telah selesai dihasilkan. Dalam kajian ini, perkaitan antara etika kekeluargaan orang Cina dan pemikiran Konfusianisme telah diperhatikan ke atas sebilangan orang Cina yang menetap di Kampung Cina, Kota Bharu, Kelantan. Kajian ini memberi tumpuan terutamanya kepada keluarga Kapitan Wee Chai dan keturunannya untuk dilihat sejauh manakah pemikiran dan tingkah laku mereka dipengaruhi oleh budaya Konfusianisme.

Untuk mencapai matlamat kajian di atas, beberapa jenis kaedah yang berlainan diguna untuk mengumpulkan fakta-fakta yang diperlukan. Penulisan Bab 4 bergantung terutamanya kepada cara pemerhatian, temubual dan temuramah manakala Bab 5 membincang keseluruhannya mengenai keputusan-keputusan yang diperolehi daripada kertas soal selidik.

Menerusi usaha pemerhatian dan kajian soal selidik yang dijalankan, memang tidak dapat dinafikan bahawa pengaruh Konfusianisme masih menular ke dalam kehidupan responden walaupun tanpa disedari mereka. Dengan perkataan yang lain, keturunan Wee Chai masih mendapat pengaruh yang mendalam daripada pemikiran Konfusianisme.

Bab 4 secara keseluruhannya membincang tentang pengaruh Konfusianisme dalam keluarga Wee Chai sejak zaman penghijrahan Wee Chai lagi. Catatan pada papan nenek moyang Wee Chai merupakan salah satu bukti yang kukuh untuk

menunjukkan pengaruh Konfusianisme dalam kehidupan awal orang Cina di Kampung Cina. Catatan menyebut bahawa setelah beliau mendirikan rumah tangga, mereka telah mengadakan pendidikan tidak rasmi di rumahnya di mana pengajar diupah untuk memberi pendidikan Konfusianisme kepada anak-anaknya.

Di samping itu, catatan menyebut bahawa beliau diberi anugerah Dato kerana beliau seorang yang rajin, ikhlas, setia dan banyak menyumbang untuk negara (beliau menjadi Kapitan selama 58 tahun di Kelantan). Berdasarkan pandangan Konfusianisme, pencapaian Wee Chai boleh dikatakan mencapai tahap perikemanusiaan (*ren*) yang disanjung tinggi oleh Konfusius kerana beliau berjaya menguruskan rumah tangga dan mentadbir negara dengan baik (齐家治国) (lihat Lampiran 2.1.1).

Pemikiran Konfusianisme di sini seperti yang didefinisikan pada Bab 3 tidak terhad kepada pemikiran Konfusius sahaja tetapi termasuk pemikiran tokoh-tokoh Konfusianisme selepas Konfusius iaitu seperti Mengzi, Xunzi, Dong Zhongshu, Zhu Xi, Cheng Yi, Cheng Hao dan lain-lain lagi.

Penyebaran pemikiran Konfusianisme dalam keluarga Wee Chai di Kampung Cina pada keseluruhannya bukannya menerusi pembacaan kitab-kitab Konfusianisme tetapi pegangan nilai Konfusianisme ini diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain melalui nasihat orang tua seperti datuk nenek dan ibu bapa.

Seperti yang diuraikan dalam Bab 1, kajian ini berdiri pada asas bahawa budaya suatu masyarakat boleh diwarisi secara turun-temurun, ini bererti nilai-nilai etika yang diutamakan pada zaman sebelum ini akan diberi keutamaannya juga pada zaman ini walaupun tangga kepentingannya mungkin telah turun. Hal ini jelas

diperhatikan kerana sehingga hari ini, nilai-nilai etika kekeluargaan Konfusianisme seperti berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa, bertatasusila (*li*), rajin (*qin*), berjimat-cermat (*jian*) dan lain-lain lagi masih kerap disebut dalam keluarga keturunan Kapitan Wee Chai.

Unit keluarga merupakan agensi yang paling berkesan untuk membolehkan budaya Cina yang sedia ada disampaikan kepada ahli-ahli dalam keluarga Wee Chai. Pendidikan etika yang tidak rasmi melalui unit keluarga dikatakan paling berkesan kerana nilai-nilai etika yang ditekankan dalam ajaran keluarga, peraturan keluarga, tatasusila keluarga atau amaran keluarga dan lain-lain lagi sentiasa diulangi dan dipupuk kepentingannya oleh ketua-ketua keluarga kepada ahli-ahli keluarganya.

Dengan itu, ahli-ahli dalam sesebuah keluarga sejak dilahirkan telah dididik untuk menerima satu prinsip ukuran nilai yang berasas terutamanya pada pemikiran Konfusianisme. Sejak kecil lagi, mereka dididik untuk memikir dan bertindak mengikut ukuran ini dan bila dewasa nanti, suatu model tingkah laku yang konsisten telah terbentuk untuk dirinya.

Justeru itu, didapati keturunan Wee Chai di Kampung Cina menerima, menghayati dan mengamalkan nilai etika kekeluargaan Konfusianisme walaupun kebanyakan daripada mereka tidak pernah berkenalan dengan siapa itu Konfusius dan apa itu Konfusianisme.

Pengaruh yang mendalam boleh dilihat dari aspek kesinambungan keturunan, pengekalan autoriti ketua keluarga dan lain-lain lagi. Dalam keluarga keturunan Wee Chai, pelbagai cara telah digunakan untuk memastikan nama keturunan keluarga

dapat disambung ekoran daripada kelima-lima orang anak lelaki Wee Chai tidak mempunyai sebarang anak kandung untuk meneruskan zuriat nenek moyang.

Dalam keluarga Wee Chai, kuasa ketua keluarga sentiasa mengatasi semua ahli keluarga yang lain. Ini termasuklah ketua keluarga perempuan di mana kuasanya akan mengatasi kuasa anak-anak lelakinya. Hal ini berlainan sedikit dengan kehendak Tiga Kepatuhan (*Sancong*) yang mengatakan seseorang wanita perlu menurut perintah anak sulungnya jika suami telah meninggal. Bagi keluarga anak-anak perempuan Wee Chai, ketua keluarga seperti Mek Kian dan Mek Nui yang berusia panjang mempunyai kuasa yang amat tinggi dalam keluarganya setelah suami mereka meninggal dunia.

Menurut pandangan Konfusianisme, seseorang sejak dilahirkan telah berada di dalam suatu sistem yang sedia ada yang digelar Lima Hubungan Etika. Lima Hubungan Etika amat penting untuk orang Cina kerana apabila seseorang berada dalam hubungan yang berlainan, maka beliau perlu melaksanakan tanggungjawab yang berlainan untuk memenuhi kehendak bagi hubungan etika yang berlainan.

Didapati bagi keluarga Wee Chai dan keturunannya, peraturan-peraturan bagi Lima Hubungan Etika memang dipupuk iaitu anak-anak sentiasa diseru untuk mematuhi kata-kata ibu bapa dan berbakti kepada ibu bapa; suami isteri mesti mengetahui perbezaan tugas dan tanggungjawab masing-masing; adik-beradik diseru untuk saling menyayangi; melayani kawan perlu menepati janji dan sebagainya.

Akan tetapi, nilai-nilai ini walaupun diberi penekanan oleh ketua-ketua keluarga, tetapi ia tidak semestinya diikuti dengan sepenuhnya. Hubungan adik-beradik biasanya terjejas disebabkan pergaduhan antara isteri adik-beradik atau disebabkan masalah pembahagian harta kekayaan keluarga yang dikatakan tidak adil. Akan

tetapi, selagi ketua keluarga masih hidup, mereka akan bersabar dan menahan diri untuk mengelakkan pergaduhan daripada berlaku. Keretakan hubungan antara adik-beradik biasanya akan kelihatan selepas ketua keluarga meninggal dunia seperti keluarga Mek Nui.

Keseluruhannya, keluarga Wee Chai dan keturunannya dikatakan berada dalam suatu masyarakat yang teratur berasaskan Tata Sosial Berhirarki dalam hubungan manusia. Ahli-ahli masyarakatnya memahami kewujudan perbezaan order antara golongan mulia dengan golongan hina (尊卑有序), perbezaan order bagi golongan tua dengan golongan muda (长幼有序) serta perbezaan antara golongan atasan dengan golongan bawahan (上下有差).

Berdasarkan kajian yang dilakukan, rumusan boleh dibuat bahawa semangat Konfusianisme yang tebal masih dikekalkan dalam kehidupan orang Cina di Kampung Cina. Dari zaman penghijrahan Kapitan Wee Chai pada awal abad ke-19 sehingga kezaman ini iaitu akhir abad ke-20, 200 tahun telah berlalu. Perubahan zaman sudah pasti membawa perubahan kepada pemikiran sesuatu bangsa. Jadi, bagaimanakah kedudukan Konfusianisme dalam kehidupan keturunan Wee Chai di Kampung Cina menjelang tahun 2000?

Dalam dunia moden yang dipengaruhi kuat oleh pemikiran barat, didapati cara-cara untuk mengamalkan nilai-nilai etika kekeluargaan telah banyak berubah, justeru itu pandangan baru muncul bagi konsep-konsep etika yang sedia ada.

Antaranya, nilai berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa sebagai nilai etika terpenting masyarakat Cina tradisi merupakan fenomena budaya yang telah banyak mengalami perubahan. Pandangan tradisi nilai berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa cenderung

menekankan pembalasan jasa anak-anak kepada ibu bapa mereka secara paksaan dan tidak kisah sama ada anak-anak sudi melakukannya atau tidak. Penjagaan ibu bapa dianggap sebagai satu kewajipan tanggungjawab anak yang tidak boleh dilakukan. Jika anak-anak tidak melaksanakan kewajipan ini, maka keluarga ini akan mendapat malu dan diketawakan oleh jiran tetangga. Dengan itu, nilai berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa pada zaman tradisi lebih dipandang sebagai suatu amalan yang dilakukan untuk diperhatikan oleh orang ramai.

Hari ini konsep berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa lebih terhad iaitu amalan berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa cenderung menjadi hal dalaman sesebuah keluarga dan bukannya hal masyarakat. Konsep berbakti (*xiao*) kini dihadkan kepada hubungan ibu bapa dan anak-anak semata-mata iaitu satu pegangan nilai berkenaan bagaimana anak-anak melayani ibu bapa mereka (Lin Liyun, 1991: 27).

Keseluruhannya, pegangan nilai berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa semasa ibu bapa masih hidup tetap kuat dalam hati keturunan Wee Chai. Mereka sudi memelihara ibu bapa tanpa apa-apa syarat (rujuk P3, 88.9%); mereka cuba elakkan daripada bergaduh di depan ibu bapa (rujuk P21, 79.6%); mereka sanggup memelihara ibu bapa (rujuk S7, 96.3%), menghormati ibu bapa (rujuk S9, 99%), menjaga kesihatan ibu bapa (rujuk S10, 98.1%), berbual-bual dengan ibu bapa (rujuk S17, 96.3%) dan sebagainya.

Dalam pada itu, sikap berbakti (*xiao*) selepas ibu bapa telah meninggal dunia juga dipandang penting tetapi pada keseluruhannya ia tidak sepenting sikap berbakti semasa ibu bapa masih hidup. Dalam hal ini, Qingming diberi kepentingan 87% (rujuk S28) oleh keturunan Wee Chai, menyembah nenek moyang pada tarikh mati mereka diberi kepentingan 81.5% (rujuk S30) tetapi kehendak untuk makan secara ringkas dan pakai secara ringkas dalam masa berkabung kurang dipentingkan iaitu peratusan

kepentingan mencapai 64.8% sahaja. Walau bagaimanapun, peratusan ini masih jauh lebih tinggi daripada peratusan kepentingan yang diberi oleh golongan bukan keturunan, iaitu serendah 46% sahaja.

Dalam kehidupan sebenar, apa yang dipentingkan tidak semestinya sama dengan apa yang diamalkan. Ramai daripada responden memang mempunyai hati ingin berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa, tetapi oleh kerana sebab-sebab tertentu, peratusan melakukannya sentiasa lebih rendah daripada apa yang ingin dilakukan, perbezaan antara peratusan kepentingan dengan peratusan amalan ada yang mencapai setinggi 42.5% , contohnya bagi S21, 31.5% bagi S42, 31.4% bagi S25 dan lain-lain lagi yang beza peratusnya mencapai 20% dan ke atas.

Dari aspek autoriti kaum lelaki pula, didapati kehendak untuk seseorang anak berpatuh kepada bapa secara sepenuhnya juga mengalami perubahan. Pada zaman dahulu, ekoran daripada pengaruh ajaran keluarga yang menekankan pendidikan tegas (严教), maka bapa mendidik anak dengan cara yang tegas. Hukuman yang berat akan dikenakan jika anak-anak enggan mendengar kepada nasihat dan tidak menurut perintah. Dalam suasana pendidikan seperti ini, anak-anak selalu berada dalam ketakutan dan tidak dapat bersikap mesra dengan bapa mereka.

Hari ini, keadaan telah banyak berubah. Orang Cina tidak lagi melahirkan ramai anak seperti orang dahulu. Dengan itu, mereka amat menyayangi anak mereka dan jarang mengamalkan pendidikan keluarga yang terlalu tegas seperti zaman dahulu (rujuk P2 & S42). Didapati pendidikan keluarga yang diberi tidak lagi berkisar atas bagaimana menjadi seorang anak yang baik, tetapi lebih memberi tumpuan kepada cara bagaimana membantu anak-anak dalam menyesuaikan diri untuk menghadapi dunia yang penuh cabaran dan persaingan (Yang Guoshu, 1992: 51).

Berkenaan hubungan suami dengan isteri pula, kelihatan autoriti suami dalam keluarga berkurangan kerana suami bukan lagi penentu yang tunggal dalam keluarga. Di sebaliknya kuasa isteri meningkat dan berhak membuat keputusan juga untuk hal-hal keluarga (sila rujuk P25). Di samping peningkatan kedudukan wanita di dalam keluarga, status wanita juga telah meningkat dalam kerjaya yang mereka ceburi. Di Kampung Cina, walaupun peratusan setuju bagi penglibatan wanita dalam politik dan penglibatan dalam kerjaya di luar rumah tidak tinggi (rujuk S34, 64.8% dan P32, 61.1%), tetapi pada masa akan datang, apabila generasi baru mereka mendapat pendidikan yang lebih tinggi, dipercayai peratusan setuju yang lebih tinggi akan tercapai.

Berkenaan kesucian wanita pula, didapati sekurang-kurangnya 50% daripada keturunan keluarga Wee Chai masih menggalakkan wanita mengekalkan kesucian mereka secara sedaya-upaya (rujuk P33, 53.7%; P12, 61.1%; P29, 53.7%). Seseorang wanita yang kematian suaminya boleh berkahwin semula hanya jika beliau berada dalam keadaan terdesak, contohnya terlalu miskin untuk membesar anak. Selain itu, masyarakat Kampung Cina juga belum boleh terima seorang isteri yang tidak setia kepada suaminya dengan hati yang terbuka.

Menyentuh hubungan adik-beradik, keputusan soal selidik memaparkan perbezaan pandangan yang paling besar antara golongan keturunan (K) dengan golongan bukan keturunan (B). P26 menyebut bahawa pergaduhan antara adik-beradik tidak kekal, hubungan yang retak tetap akan pulih suatu hari nanti. Kedua-dua K dan B setuju dengan peratusan yang sama tinggi, iaitu 88.9% untuk K dan 88% untuk B.

Akan tetapi, apabila ditanya sama ada “orang sendiri” (definisinya dalam kajian ini terhad kepada ahli keluarga dan saudara-mara; akan tetapi, bagi kebanyakan responden, “orang sendiri” merujuk terutamanya kepada ahli keluarga sahaja) boleh memberi bantuan apabila diri seseorang berada dalam kesusahan, didapati peratusan setuju K serendah 42.6% manakala B setinggi 76% (rujuk P38). Hal yang sama berlaku apabila soalan bertanya sama ada “orang sendiri” paling boleh dipercayai. Peratusan setuju K serendah 35.2% dan B 68% (rujuk P37).

Keputusan sedemikian secara tidak langsungnya menunjukkan hubungan antara ahli keluarga bagi golongan keturunan Wee Chai adalah kurang mesra. Apakah sebab yang tersembunyi di sebalik keputusan ini? Didapati salah satu puncanya ialah disebabkan oleh faktor “keluarga besar” (zuriat) di mana banyak masalah dan perselisihan timbul apabila ahli keluarga adalah ramai, ini berlaku terutamanya apabila seseorang ketua keluarga itu beristeri lebih daripada seorang.

Keturunan Wee Chai memang ramai yang beristeri dua atau tiga seperti yang dibincangkan dalam Bab 4. Apabila kapasiti keluarga semakin berkembang, hubungan manusia dalam keluarga itu akan menjadi semakin kompleks, justerunya masalah yang lebih timbul. Sungguhpun kepentingan keharmonian memang sentiasa dipupuk dalam keluarga keturunan Wee Chai seperti penampalan perkataan “*和为贵*” (*he wei gui* iaitu “keharmonian itu penting”) di dinding di Rumah Kapitan Cheah, tetapi ia sukar dilaksanakan oleh semua orang dalam keluarga itu, akhirnya perselisihan tetap berlaku.

Sebelum kata penutup dibuat, terdapatnya suatu perkara yang perlu dibuat penjelasan di sini, iaitu berkenaan kekurangan perbincangan tentang konsep perikemanusiaan (*ren*) sepanjang tesis ini. *Ren* ialah konsep terpenting yang paling

banyak disebut dan dijelaskan oleh Konfusius dalam *Lunyu*, mengapa ia tidak pula dibincang secara kerapnya dalam kajian empirikal Konfusianisme ini?

Sebenarnya konsep *ren* ini telah berpecah menjadi nilai-nilai etika yang lain bagi pelbagai aspek, seperti nilai etika *xiao* (berbakti kepada ibu bapa), *ti* (adik menghormati abang), *zhong* (kesetiaan), *xin* (kepercayaan), *li* (tatasusila) dan lain-lain lagi (Xu Chuiyang, 1990: 3). Dengan lain perkataan, kesemua nilai etika kekeluargaan yang disarankan dalam pemikiran Konfusianisme merupakan komponen-komponen nilai *ren* yang amat penting (Wen Congyi, 1989: 25).

Seseorang itu jika dapat melaksanakan nilai-nilai etika yang disarankan oleh pemikiran Konfusianisme, maka orang ini dikatakan telah mencapai tahap perikemanusiaan (*ren*) yang tinggi dan pencapaian tahap perikemanusiaan (*ren*) merupakan matlamat terakhir bagi amalan nilai-nilai etika Konfusianisme.

Sebagai kata penutup, kajian ini walaupun memberi tumpuan hanya pada segelintir orang Cina sahaja, tetapi dipercayai fenomena yang diteliti itu serba-sedikit dapat mencerminkan pengaruh Konfusianisme yang diterima oleh orang Cina Malaysia. Ringkasnya, gambaran bagaimana orang Cina hidup di bawah pengaruh Konfusianisme boleh disimpulkan seperti berikut:

“Yang besar dan yang kecil, yang mulia dan yang hina, yang tua dan yang muda, semuanya tidak boleh abaikan atau hapuskan etika manusia (大小尊卑长幼，不可废灭人伦); nilai tatasusila, nilai kewajaran, nilai kejujuran dan nilai keseganan perlu diketahui, ibu bapa dan bapa saudara (sama ada bagi pihak bapa atau pihak ibu) harus dihormati (礼义廉耻要晚，父母伯叔当尊); abang menyayangi adik dan adik menghormati abang, maka keharmonian tercapai; jangan pandang ringan terhadap tindakan isteri yang sentiasa mengikuti suami (兄友弟恭和睦，夫唱妇随莫轻); selain itu, perlu membuat hubungan dengan kawan dan melayani kawan dengan baik, di samping itu, mengadakan hubungan yang baik dengan jiran sebelah (更要交朋处友，还当睦舍和邻); mentadbir keluarga berdasarkan nilai kerajinan dan nilai berjimat-cermat, melayani tetamu dengan makanan yang mewah sebagai tanda penghormatan (治家勤俭为本，待客丰盛为尊。).” (“Liuyan Zazi” )